



JULAI 2018

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Laman Nurani

"Sesiapa yang bersabar, Allah akan lipat gandakan pahalanya, sesiapa yang menderhakai Allah, akan menerima azabNya."

Riwayat Al Baihaki.



Khamis, 5 Julai 2018 - YB Dato Menteri KKBS telah menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada kira-kira 200 anak yatim dan orang kelainan upaya yang dianjurkan Harini Catering Services di Restoran Stadium. Sumbangan adalah dari pihak-pihak syarikat swasta dan orang persendirian dan telah menyerahkan sumbangan mereka ke Tabung Anak Yatim Kebangsaan dan Tabung Anak-anak Yatim Daerah Brunei dan Muara. Pemangku pengarah JAPEM menerima sumbangan bagi pihak Tabung Anak Yatim Kebangsaan. Manakala Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim menerima sumbangan bagi Tabung Anak-anak Yatim Daerah Brunei dan Muara.

Jumaat, 6 Julai 2018 - Majlis Perundingan Kampung Keriam, Takmir Masjid Kampung Keriam dan Persatuan Melayu Keriam mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Keriam. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS dan isteri. Majlis Ramah Mesra Aidilfitri diadakan setiap tahun bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk Kampung Keriam untuk berkumpul bersama bagi meningkatkan silaturahim, menghidupkan semangat tradisi gotong-royong. Majlis diserikan lagi dengan persembahan nyanyian IndahNya PESAKA dan Selamat Hari Raya diikuti dengan penyampaian sumbangan kepada sembilan orang bakal jemaah haji yang terdiri daripada penduduk Kampung Keriam dan ahli-ahli PESAKA yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.



Ahad, 8 Julai 2018 - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat pada majlis Sambutan Hari Raya Brunei LNG Sdn Bhd bertempat di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club Jerudong. Majlis bertujuan bagi mengukuhkan hubungannya bersama pihak-pihak berkepentingan. Turut hadir YM Timbalan Menteri KTP serta para pegawai kanan dan perwakilan dari pelbagai agensi kerajaan, kedutaan dan suruhanjaya tinggi serta pihak berkepentingan lain dari sektor swasta.

Selasa, 10 Julai 2018 - Majlis Ramah Mesra Sambutan Hari Raya Aidilfitri sempena Sambutan Ulang Tahun Pertama Penubuhan Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Tutong Tahun 1439H / 2018M berlangsung di Dewan Serbaguna, Serbangun, Tutong. Dalam majlis ini tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS menyatakan bahawa warga emas amat kaya dengan pengalaman dan sumber pengetahuan yang dapat dimanfaatkan oleh generasi muda sebagai panduan cara hidup. Mereka merupakan aset yang sungguh bernilai dalam menyumbangkan buah fikiran dan tenaga ke arah pembangunan negara dengan pengetahuan serta pengalaman yang sedia ada. YB Dato seterusnya menyeru semua warga emas untuk sentiasa menabur bakti demi meraih yang terbaik untuk bangsa dan negara. Turut hadir Ahli-Ahli MMN Daerah Tutong, YB Awang Haji Abdul Wahab bin Apong dan YB Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.



Rabu, 11 Julai 2018 - YB Dato Menteri KKBS menerima kunjungan hormat daripada Director - General of the Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), Tuan Yang Terutama Dr. Abdulaziz Othman Altwajri bertempat di Pejabat Menteri, KKBS. YB Dato TYT telah berbincang mengenai proses persiapan dan aktiviti - aktiviti yang berkaitan bagi Bandar Seri Begawan sebagai ibu negara Kebudayaan Islam di rantau Asia sepertimana yang telah ditetapkan semasa Persidangan Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan Islam pada tahun 2015. YB Dato telah memaklumkan mengenai persediaan NBD dalam mengendalikan acara perasmian Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia bagi tahun 2019 dan pemilihan Bandar Seri Begawan sebagai Bandaraya Kebudayaan ASEAN bagi tahun 2016 - 2018. YB Dato juga mengharapkan dengan pengalaman yang ada seperti penganjuran aktiviti semasa pengendalian Bandaraya Kebudayaan ASEAN tersebut akan dapat diguna pakai dalam membuat persediaan dan pelaksanaan ibu negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia awal tahun hadapan.



Jumaat, 13 Julai 2018 - YB Dato Menteri KKBS menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah yang termuda daripada kalangan sembilan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang memelihara kesejahteraan warga Orang Kelainan Upaya serta ibu bapa mereka. Menurut Dato lagi, sejak penubuhannya, usaha murni ini telah meninggalkan impak yang amat tinggi dan telah memberikan sokongan yang amat bermakna kepada para ibu bapa dan penjaga kanak-kanak Sindrom Down, di samping menghulurkan bantuan dalam berkerjasama dengan pihak kerajaan termasuk dalam ASEAN Disability Forum dan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2018. Perkara demikian disampaikan oleh YB Dato Menteri dalam Majlis Ramah Mesra dan Sambutan Hari Raya Persatuan Sindrom Down yang berlangsung di Parkview Hotel, Jerudong. YB Dato juga menyeru agar mereka sentiasa bekerjasama untuk memastikan kejayaan dan sumbangan yang dicapai setakat ini akan berterusan serta mempunyai impak yang lebih bernilai lagi kepada kanak-kanak Sindrom Down. Turut hadir YM Datin SUT KKBS.





Isnin, 16 Julai 2018 - Presiden Persatuan Pelajar Brunei di UK dan Eire Sesi 2018/2019 yang diketuai oleh presidennya Awangku Mohd Hisyam Al-Yura berserta ahli-ahlinya telah membuat kunjungan hormat kepada YB Dato Menteri KKBS bertempat di Pejabat Menteri. Hal ehwal semasa dalam bidang belia antara perkara yang dibincangkan semasa kunjungan itu. Turut hadir ialah Naib Presiden Pentadbiran dan Kewangan, Shaimaa'an Nabelah binti Abdul Rahman; Naib Presiden Koordinasi Serantau, Syaffina Shahif; Setiausaha Agung, Nurin Najla @ Motia'ah binti Hismawadi dan Setiausaha Penerangan, Awang Mohammad Ajrul bin Haji Mail.

Rabu, 18 Julai 2018 - Sidang Media Riadah Berbasikal Keputeraan 2018 telah diadakan di Perpustakaan DBP. YM Datin SUT KKBS sebagai pengerusi sidang Media berkenaan berkata bahawa KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka berangkat bercemer duli menyertai Riadah Berbasikal Keputeraan 2018 yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara pada Ahad, 22 Julai 2018. Riadah Berbasikal Keputeraan 2018 akan mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh hampir 11.490 kilometer. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik turut disusun dalam acara tersebut.



Khamis, 19 Julai 2018 - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Sekolah Ugama Delima Satu. Majlis yang merupakan aktiviti tahunan sekolah berkenaan disertai oleh 42 murid terdiri daripada 27 murid lelaki dan 15 murid perempuan yang telah berjaya menamatkan pembacaan Al-Quran 30 juz. Majlis dipimpin dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan kemudian dimulai dengan Bacaan Surah Adh-Dhuha oleh para peserta khatam. Manakala Bacaan Takhtim oleh murid-murid Darjah III, IV, V dan diikuti dengan bacaan Doa Khatam.

Khamis, 19 Julai 2018 - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72, KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Digadong, KKBS. Hadir selaku tetamu kehormat majlis YB Dato Menteri KKBS. Majlis Khatam itu melibatkan kerjasama daripada warga KKBS dan wakil persatuan-persatuan belia, Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) serta Lepasannya Pelatih Pusat Pembangunan Belia. Majlis ini diadakan bagi mendoakan keselamatan dan kesejahteraan pemimpin, negara dan rakyat di samping menzahirkan rasa cinta serta taat setia kepada raja yang dikasihi. Bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh YB Dato dan diikuti dengan bacaan surah Ad-Dhuha hingga surah Al-Ikhlash. Majlis diselajurkan dengan Solat Sunat Hajat bagi memohon keselamatan pergi dan balik bagi 11 bakal haji warga KKBS yang akan menunaikan haji tahun ini. Turut menyumbang ilmu ialah tazkirah 'Menghidupkan Hati Ketika Ibadah Haji' disampaikan oleh penceramah undangan dari Al-Minhaaj Centre, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak.



Khamis, 19 Julai 2018 - Sidang Media Sambutan HBK Ke-13 yang diadakan di Dewan Citra Budaya, KKBS telah di pengurusan oleh YM Datin SUT KKBS. HBK pada tahun ini membawa tema 'Belia Pemacu Brunei Maju' yang akan disambut pada 1 Ogos 2018. YM Datin pengerusi menyatakan bahawa konsep sambutan memfokuskan kepada dua perkara penting yang mengarah kepada Wawasan Brunei 2035 dan berfokuskan kepada kepimpinan dan keusahawanan. Tema tahun ini dilihat sebagai sebuah amanah kepada golongan belia agar terus proaktif merancang, memperluaskan diri dari segi ilmu dan kemahiran, memiliki daya tahan yang jitu untuk mengembangmajukan negara ini ke arah merealisasikan impian seorang raja dalam melihat belia dan negaranya maju. Acara kemuncak sambutan itu nanti akan diisikan dengan penyampaian Anugerah HBK, iaitu Belia Cemerlang; Belia Berkhidmat; Pemimpin Muda Belia dan Projek Cemerlang untuk Belia yang akan disempurnakan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, Perhimpunan Ramah Mesra Belia juga akan diadakan di Dewan Persidangan Utama, bertemakan 'Kejayaan Terbukti', yang menetengahkan belia-belia yang berjaya dalam pelbagai bidang, dengan mempamerkan dua komponen utama, iaitu Pameran Usahawan dan Kepimpinan dan Pameran Ekosistem Keusahawanan.



Jumaat, 20 Julai 2018 - Persembahan Wushu yang bertemakan 'Beauty of Taiji' telah disertai oleh 17 atlet Wushu Kebangsaan. Hadir menyaksikan persembahan tersebut YB Dato Menteri KKBS dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama, Yang Jian. Seni bela diri Wushu mempunyai pelbagai kategori. Antara kategori tersebut jelasnya ialah Quanshu, Neijiaquan, Changquan, Nanquan, Duanquan, Xiangxingquan dan Taijiquan. Puan Yang Terutama juga melahirkan rasa gembira kerana ramai warga tempatan dan luar negara berminat dalam seni bela diri Taijiquan. Persembahan Wushu tersebut antara lain bertujuan untuk mempersiapkan para atlet kebangsaan yang akan menyertai Sukan Asian pada bulan Ogos nanti. Turut hadir YM Datin SUT KKBS.



Ahad, 22 Julai 2018 - KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyertai Acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2018 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-72 Tahun. Berangkat sama anakanda dan adinda KDYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. Keberangkatan baginda berserta kerabat diraja dijunjung oleh YB Dato Menteri KKBS. Sejurus berakhirnya Acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2018, baginda beserta kerabat diraja melawat petak-petak pameran di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Sebelum berangkat balik, KDYMM dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menaiki beca berhias.



Isnin, 23 Julai 2018 – YB Dato Menteri KKBS telah menyampaikan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada mangsa-mangsa bencana banjir dan kebakaran daripada beberapa buah kampung di Daerah Belait. Majlis yang diadakan di Pusat Bahagia Eric Goh, Kuala Belait turut dihadiri oleh Ahli MMN, YB Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Penghulu Mukim Labi; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat; pegawai-pegawai kanan KKBS serta ketua-ketua kampung dari kawasan-kawasan yang terjejas. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Guru Ugama Kompleks Rumah Kebajikan, Awang Mohammad Shahrin bin Sulaiman dan diteruskan dengan Penyampaian Bantuan Kewangan Kerajaan kepada 19 mangsa bencana banjir. Bantuan yang sama turut diberikan kepada mangsa-mangsa bencana kebakaran dan rumah roboh daripada beberapa buah kampung di Daerah Brunei dan Muara yang disampaikan oleh YB Dato Menteri KKBS bertempat di bilik kunjungan, KKBS. Kerajaan sangat mengambil berat kebajikan rakyat dan penduduk yang memerlukan bantuan bagi meringankan beban yang mereka tanggung.



Khamis, 26 Julai 2018 - Majlis Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bertahlil serta Doa Kesyukuran sempena Hari Belia Kebangsaan Ke-13, Tahun 2018 telah diadakan di Masjid Kampung Perpindahan Lambak Kanan. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat, disusuli dengan bacaan Surah Ya Siin, Tahlil, Doa Kesyukuran dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, seterusnya diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah. Turut hadir YM Timbalan Menteri Tenaga dan Perindustrian; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan; Pasukan beruniform, institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan dan kelab serta sebagainya.

Sabtu, 28 Julai 2018 – YB Dato Menteri KKBS dalam ucapannya pada Majlis Penutup Bengkel Pengurusan NGO Yang Dipimpin Belia (Youth-Led NGOs Management - YouNM) yang berlangsung di Dewan Silaturahmi, Pusat Belia berkata bahawa pihak kerajaan dan belia mempunyai objektif dan visi yang sama ke arah kecemerlangan dan kemajuan negara. Pendekatan yang terbaik ialah dengan konsep 'pendekatan seluruh negara' dengan semua pihak memainkan peranan masing-masing. Aktiviti-aktiviti positif dalam kalangan belia mampu menjadikan mereka sebahagian daripada pembangunan negara dan memainkan peranan penting dalam mencapai 'Brunei Maju' bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Pada majlis itu, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada 27 peserta yang menyertai bengkel tersebut. Bengkel yang diadakan sejak 24 hingga 28 Julai itu dianjurkan oleh Ahli-ahli Alumni Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara dengan kerjasama Persatuan Brunei-AS; Persatuan Mahasiswa / Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam dan InTurn Company.



Sabtu, 28 Julai 2018 - Pembukaan kejohanan Bola Sepak Veteran Global Kali Ke-6 yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas telah dirasmikan oleh tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Kejohanan selama dua hari bermula 28 Julai disertai oleh enam buah pasukan terdiri dari Veteran Football Association (VFA), Negara Brunei Darussalam; Phoenix Veterans Football Club, Chennai, India; Indian Football Team, Medan, Indonesia; Klang Star Veteran, Selangor, Malaysia; Golden TWF, Myanmar dan Superstar Sports Club, Sri Lanka. Ia bertujuan untuk mengukuhkan semangat kesukanan dalam kalangan pemain serantau dan pemahaman kepelbagaian budaya ASEAN sekaligus membantu mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah destinasi pelancongan melalui acara sukan.



Ahad, 29 Julai 2018 - Kejohanan Red Bull Warriors 2018 yang berlangsung di Sekolah Antarabangsa Brunei menyaksikan PertCech muncul sebagai penjaga gol terbaik dengan 299 mata, manakala A.B. dianugerahkan top assist dengan 26 mata sementara Intern muncul sebagai penjaring terbanyak dan pemain terbaik apabila berjaya menjanginkan 47 gol dan mengumpul 276 mata. Hadir menyempurnakan perasmian perlawanan akhir dan penyampaian hadiah kepada barisan pemenang di majlis berkenaan adalah Pemangku Setiausaha Tetap KKBS. Para pemain perlu menghabiskan 143 perlawanan yang telah dimulakan sejak 1 Julai 2017 dan para pemain akan meraih mata bagi membolehkan mereka bersaing secara individu bagi meraih hadiah pemain terbaik, penjaring terbanyak, assist terbanyak dan penjaga gawang terbaik.

Ahad, 29 Julai 2018 - Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian antara A.K.K Design selaku penerbit Majalah MatchDay Brunei DPMM FC bersama rakan-rakan dan penyokong Majalah MatchDay Brunei DPMM FC yang berlangsung di My Favoureat Kopitiam, Kompleks Haji Munchit and Rapiah Complex, Berakas telah disaksikan oleh tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Mendahului menandatangani MoA ialah dari Brunei Press Sendirian Berhad yang diwakili oleh Pengurus Am, Mr. Reggie See diikuti dengan Avantist yang diwakili oleh Pengarahnya, Haji Awang bin Haji Ali dan seterusnya Nazmi Textile Mall diwakili oleh Pengurus Nazmi Textile Mall, Mohamed Nazmi Rizhwan bin Nazeer. MoA selepas itu diteruskan dari Cityneon Displays and Construction Sendirian Berhad yang diwakili oleh Ketua Pereka, Awang Haji Kadir bin Haji Awang Hidup, manakala Syarikat Penerbangan Diraja Brunei diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Karam Chand. Turut hadir, Ahli MMN, YB Awang Iswandy bin Ahmad serta para pegawai pasukan DPMM FC.



Tim Penerbitan Jeffree Haji Md Kassim *Penyunting & Penyemak*, Jeffree Haji Md Kassim *Perwajahan dan Aturhuruf* Jeffree Hj Md Kassim *Jurufoto* Hajah Ajjiah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.